



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA**  
**(Malay Language Council, Singapore)**  
d/a National Library Board  
278 Marine Parade Road  
#B1-01 Marine Parade Community Building  
Singapore 449282  
Tel: 63424216  
Faks: 63424222  
Emel: [MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg](mailto:MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg)

---

**Anugerah Persuratan 2011**  
**Sidang Akhbar**  
**23 Feb 2011, 3.30 pm**  
**Perpustakaan Daerah Woodlands**

**Anugerah Persuratan**

1. Majlis Bahasa Melayu Singapura akan menganjurkan Anugerah Persuratan 2011 (AP2011). Anugerah persuratan merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dalam mengiktiraf para penulis yang bergiat dalam seni persuratan. Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Anugerah Persuratan sejak tahun 1993. Anugerah Persuratan dianjurkan setiap dua tahun sekali.

**Objektif Anugerah Persuratan**

2. Anugerah Persuratan dilaksanakan dengan objektif yang berikut:
- i. Memberi pengiktirafan kepada para penulis yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai;
  - ii. Meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu;
  - iii. Menggalakkan penerbitan karya yang bermutu; dan
  - iv. Memasyarakatkan bidang persuratan.

**Majlis Anugerah Persuratan 2011**

3. Majlis AP2011 tahun ini akan diadakan pada bulan November, iaitu:

**Tarikh:** Sabtu, 30 Julai 2011,  
**Tempat:** Akan diumumkan nanti.  
**Masa:** 3 petang  
**Tetamu Terhormat:** Akan diumumkan nanti.

**Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2011**

4. Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2011 (AP2011) dipengerusikan oleh Encik Masagos Zulkifli, Menteri Negara, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Ehwat Dalam Negeri. Senarai penuh jawatankuasa AP2011 terdapat dalam Lampiran A

## Anugerah-anugerah yang akan diberikan

5. Dalam Majlis AP2011 tersebut, 4 jenis hadiah/anugerah akan disampaikan, iaitu:

- 5.1 Hadiah Persuratan (merangkumi 6 bidang)
- 5.2 Anugerah Tun Seri Lanang
- 5.3 Anumerta Tun Seri Lanang
- 5.4 Anugerah Harapan (mula dikenalkan pada AP2009)

### 5.1 Hadiah Persuratan

bidang	bentuk eceran	bentuk buku
Sajak	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Cerpen	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Drama	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Esei /Kritikan Sastera	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Esei /Kritikan nonsastera	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Novel		1 hadiah (\$3,000)
Kajian Sastera		1 hadiah (\$3,000)
Kajian nonsastera		1 hadiah (\$3,000)

### Kriteria Kategori

Kriteria Kategori pada dasarnya dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu karya **Eceran** dan karya dalam bentuk **Buku** yang terbit sepanjang 2009 dan 2010.

#### Kategori Eceran

**Karya Eceran** terdiri daripada sebuah teks yang disiarkan dalam tahun penilaian melalui akhbar, majalah atau jurnal. Sesebuah teks itu juga boleh dinilai berdasarkan penerbitan yang bercorak pementasan (bagi Drama Pentas), penyiaran (bagi Drama Radio) dan Drama Televisyen.

#### Kategori Buku

**Novel** - Novel yang diterbitkan dalam tahun penilaian.

**Kumpulan/Antologi** - 'Kumpulan' bererti koleksi penulis perseorangan. 'Antologi' pula ialah koleksi karya bersama penulis yang lain. Sama ada kumpulan atau antologi, buku berkenaan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua pertiga karya-karya yang telah disiarkan dalam tempoh lima tahun (termasuk karya-karya yang diterbitkan dalam tahun penilaian). Buku tersebut juga masih boleh dinilai jika dimuatkan dengan karya-karya yang pernah memenangi Hadiah Sastera atau Hadiah Penghargaan yang lalu tetapi tidak boleh melebihi 10% daripada kandungan keseluruhan buku tersebut.

**Kajian** - Buku kajian sastera atau kajian nonsastera yang dikerjakan secara perseorangan atau kolektif yang diterbitkan dalam tahun penilaian.  
Anugerah Tun Seri Lanang

## 5.2 Anugerah Tun Seri Lanang

Anugerah Tun Seri Lanang (yang bernilai \$5,000) diperuntukkan kepada seorang tokoh persuratan yang sama ada:

- tokoh seni yang ulung di mata masyarakat berbilang bangsa dan budaya Singapura
- tokoh antarabangsa melalui pengiktirafan karya besar mereka
- pejuang seni dalam erti kata menggunakan sebahagian besar usia dan kehidupan mereka untuk menyubur dan menyemarakkan bidang yang dihayati; atau
- penyumbang dan pemaju pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan melalui karya mereka (dalam bentuk kreatif atau nonkreatif)
- tokoh model belajar sepanjang hayat yang terus berusaha meningkatkan ilmu dalam bidang persuratan

Nota: Sejumlah \$5,000 juga diberikan kepada sesiapa yang ingin mengkaji ketokohan, keilitizaman, sumbangan, pemikiran, dan alam penulisan tokoh yang terpilih.

## 5.3 Anumerta Tun Seri Lanang

Anumerta Tun Seri Lanang diberikan bagi mengenangi tokoh persuratan yang telah meninggal dunia. Kriteria pemilihan tokoh sama seperti Anugerah Tun Seri Lanang.

Pemberian Hadiah sebanyak \$2,000 diberikan kepada keluarga tokoh.

Nota: Sejumlah \$5,000 dalam bentuk gran diberikan kepada sesiapa sahaja yang ingin menulis mengenai ketokohan, pemikiran dan kefalsafahannya, keilitizaman dan sumbangan Tokoh Anumerta ini.

## 5.4 Anugerah Harapan

Anugerah Harapan yang bernilai \$3,000 ini diperuntukkan untuk penulis di bawah usia 40 tahun yang menampakkan potensi dalam bidang persuratan sama ada:

- memainkan teraju utama kepada usaha-usaha menggerakkan bidang

- persuratan; baik cerpen, sajak, novel, drama, nonsastera dan sebagainya,
- menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dan kemahirannya dalam bidang persuratan kepada golongan muda / pelajar-pelajar,
  - menghasilkan karya yang memberikan sumbangan dalam penulisan kreatif dan nonkreatif sama ada dalam bentuk media bercetak atau elektronik untuk memajukan pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan

## 6 Dasar Penilaian

Penilaian AP2011 pada dasarnya ditujukan kepada teks atau karya asli yang memenuhi kriteria yang berikut:

- (i) berbahasa Melayu;
- (ii) dihasilkan oleh warganegara Singapura
- (iii) diterbitkan **pada tahun 2009 & 2010** (di Singapura atau di luar negara);
- (iv) memiliki izin terbit ISBN (penerbitan berbentuk buku) untuk menentukan kesahihannya.

Jawatankuasa AP2011 akan membentuk kumpulan panel penilai bagi menilai karya-karya sepanjang tahun penilaian dan sekumpulan lagi penilai untuk menentukan pemenang Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan.

## 7 Kriteria Umum Penilaian

Karya itu dianggap mencapai taraf terbaik jika karya itu memiliki beberapa ciri antaranya:

- Kekuatan dan Kemantapan
- Keistimewaan dan Keunggulan
- Keaslian Subjek
- Pendalaman dan Matang
- Keseimbangan Estetika
- Nilai-nilai Moral
- Inovasi dan Kreativiti

## 8 Prosedur Penilaian

Jawatankuasa AP2011 akan membuat penilaian sama ada perlu menambah atau menolak karya yang diterima untuk dinilai bagi hadiah-hadiah persuratan. Hal ini termasuk membuat pencalonan tambahan atau menolak pencalonan bagi anugerah-anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan yang diterima. AP2011 tidak perlu memberikan sebab atas keputusan yang diambil. Karya-karya dan pencalonan yang diterima akan diajukan kepada panel penilai yang dibentuk oleh AP2011.

## 9 Penghantaran Karya-karya untuk dinilai

Para penulis yang ingin menghantar karya-karya mereka untuk dinilai bagi AP2011 boleh menghantar karya-karya mereka selewat-lewatnya pada **Khamis 22 April 2011**. Karya-karya tersebut haruslah yang telah **diterbitkan pada tahun 2009 dan 2010**. Borang penyertaan untuk penghantaran karya terdapat dalam Lampiran B

**10 Pencalonan Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan**

AP2011 mengalu-alukan pencalonan untuk Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan. Tarikh akhir pencalonan bagi anugerah-anugerah tersebut adalah pada **Khamis 22 April 2011**. Borang pencalonan terdapat dalam Lampiran C

**11 Alamat Penghantaran karya dan borang pencalonan**

Tiga salinan (bentuk asli atau salinan) bagi setiap karya yang ingin dinilai atau pencalonan untuk AP2009 boleh dihantar kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2011  
Majlis Bahasa Melayu Singapura  
*d/a National Library Board*  
*278 Marine Parade Road*  
*#B1-01 Marine Parade Community Building*  
*Singapura 449282*  
*Tel: 63424216*  
*Faks: 63424222*  
*Emel: [MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg](mailto:MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg)*

12. Borang pencalonan juga boleh dimuat turun daripada lalaman MBMS di alamat: mbms.sg

**23 Feb 2011**

---

## LAMPIRAN A

### Senarai Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2011

Pengerusi		
1	Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohd	Menteri Negara (Kementerian Pendidikan dan Ehwat Dalam Negeri, dan Timbalan Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura, (MBMS)
Timbalan Pengerusi/		
2	Encik Mohd Naim Daipi	MBMS
Setiausaha		
3	Juffri Supa'at	MBMS/NLB
Bendahari		
4	Drs Masran Sabran	MBMS

### Ahli Jawatankuasa

5	Encik Tajudin Jaffar	MOE & MBMS
6	Raihanah Mohd Said	MICA & MBMS
7	Dr Sa'eda Buang	NIE/NTU
8	Puan Norulashikin Jamain	NLB
9	Encik Abdullah Othman	Andalus
10	Encik Samsudin Said	Perkumpulan Seni
11	Puan Roslinda Salihin	Sekretariat NLB

Lampiran B

Borang Penghantaran Karya Untuk Penilaian  
**Anugerah Persuratan 2011**

Bidang	(sila tandakan ✓)
sajak	
cerpen	
Drama	
Esei /kritikan sastera	
Esei/kritikan nonsastera	
novel	
Kajian sastera	
Kajian nonsastera	

Karya-karya haruslah yang telah **diterbitkan pada tahun 2009 dan 2010.**

	Maklumat
<b>Nama:</b>	
<b>Alamat:</b>	
<b>No telefon:</b>	
<b>E-mel:</b>	
<b>Tanda tangan:</b>	
<b>Tarikh:</b>	

Dengan menyertai Anugerah Persuratan 2011, saya setuju bahawa bahan-bahan yang saya hantar tidak akan dikembalikan. Saya juga bersetuju bahawa, sekiranya dipilih sebagai pemenang, saya akan membenarkan nama dan karya saya diterbitkan untuk tujuan penyerantaan.

Sila kembalikan Borang ini beserta **3 salinan** ( bentuk asli atau salinan) karya yang ingin dinilai kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2011

**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA**

*(Malay Language Council, Singapore)*

d/a National Library Board

278 Marine Parade Road

#B1-01 Marine Parade Community Building

Singapura 449282

Tel: 63424216

Faks: 63424222

Emel: [MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg](mailto:MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg)

**Selewat-lewatnya pada Khamis 22 April 2011**

**Borang Pencalonan  
Anugerah Persuratan 2011**

Kategori Anugerah		(sila tandakan ✓)
<b>Anugerah Tun Seri Lanang</b>		
<b>Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang</b>		
<b>Anugerah Harapan</b>		
Bahagian 1	Maklumat Calon	
<b>Nama:</b>		
Bahagian 2	Dasar Pencalonan	

(Sila berikan dasar pencalonan, tidak melebihi dalam ruangan yang disediakan (bertaip atau bertulis)  
Tidak perlu menyertakan portfolio yang dicalonkan.)

<b>Saya mencalonkan nama yang tertera di atas kerana:</b>



--

Bahagian 3	Maklumat Pencadang
Nama:	
Alamat:	
No telefon:	
E-mel:	
Hubungan dengan calon:	
Tanda tangan:	
Tarikh:	

---

Sila kembalikan Borang Pencalonan kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2011

**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA**

**(Malay Language Council, Singapore)**

*d/a National Library Board*

*278 Marine Parade Road*

*#B1-01 Marine Parade Community Building*

*Singapura 449282*

*Tel: 63424216*

*Faks: 63424222*

*Emel: [MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg](mailto:MalayLanguageCouncil@nlb.gov.sg)*

**Selewat-lewatnya pada Khamis 22 April 2011**

---